

**PENSEJARAHAN KEDAH TUA:
SATU ANALISIS SOSIOEKONOMI**

NASHA BIN RODZIADI KHAW

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2011**

**PENSEJARAHAAN KEDAH TUA:
SATU ANALISIS SOSIOEKONOMI**

Oleh

NASHA BIN RODZIADI KHAW

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan
bagi Ijazah Sarjana Sastera**

Ogos 2011

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi ucapan penghargaan ditujukan kepada Profesor Madya Dr. Mohd Mokhtar bin Saidin, Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia yang juga merupakan penyelia utama saya. Beliau telah memberi segala tunjuk ajar, sokongan bimbingan dan juga bantuan yang amat diperlukan. Dorongan dan semangat yang diberikan oleh beliau sepanjang kerja-kerja penelitian dan penulisan telah memungkinkan saya untuk menyiapkan tesis ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr Nazarudin Zainun, Pensyarah Kanan Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia. Beliau merupakan penyelia bersama saya yang telah banyak membantu dan segi ilmu yang dicurahkan dan komen-komen yang kritis yang telah melatih saya dalam menghasilkan penulisan akademik.

Saya ingin memberikan ucapan penghargaan kepada En. Zulkifli bin Jaafar, Pengarah Jabatan Muzium Malaysia Wilayah Utara atas segala bantuan dari segi nasihat dan bimbingan yang telah diberikan. Beliau telah menghulurkan bantuan dalam kerja-kerja survei terhadap tapak-tapak arkeologi di Lembah Bujang dan kajian terhadap artifak-artifak yang dipelihara di Muzium Arkeologi Lembah Bujang yang berada di bawah seliaan beliau. Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada Dr. Tarmiji Masron, Pensyarah Kanan Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan yang telah turut serta membantu dalam kerja-kerja survei. Kepada kesemua staf-staf Pusat Penyelidikan Arkeologi Global terutamanya Kak Normah, Kak Pah, En. Azman, Kak Wan dan En. Goon terima kasih atas segala sokongan dan bantuan yang diberikan.

Ucapan jutaan terima kasih ditujukan kepada Profesor Emeritus Dato' Dr. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman dari Institut Alam dan Tamadun Melayu,

Profesor Emeritus Dr. Singaravelu Sachithanatham dari Jabatan Pengajian India Universiti Malaya dan Prof. Emeritus Dr. Abdullah Hassan dari Universiti Pendidikan Sultan Idris atas segala nasihat dan bimbingan yang diberikan. Setinggi-tinggi penghargaan turut dirakamkan kepada Ibu Titi Surti Nastiti dan Ibu Richadiana Kadarisman Kartakusuma dari Pusat Penelitian dan Pengembangan Arkeologi Indonesia serta Bapak Agus Aris Munandar dan Ibu Ninie Soesanti dari Fakultas Ilmu Pengetahuan Budaya, Universitas Indonesia yang telah mendidik dan melatih saya dalam bidang Epigrafi-Palaeografi serta memberi nasihat dan dorongan sepanjang penelitian saya. Kepada teman-teman seperjuangan saya yang sama-sama melalui pengalaman susah senang, pahit manis dan suka duka dalam penyelidikan arkeologi Lembah Bujang iaitu Iklil Izzati, Naizatul Akma, En Zolkarnian, Seha, Aiza, Chip, Suresh, Atma dan Diana, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih atas segala bantuan dan sokongan yang diberikan.

Tidak dilupakan kepada keluarga saya yang selama ini memberi semangat kepada saya untuk menyiapkan tesis ini iaitu mak, daddy dan Nisham. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih diucapkan.

KANDUNGAN

Perkara	Halaman
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI PETA	viii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI FOTO	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
ABSTRAK	xvi
ABSTRACT	xvii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Latar belakang	1
1.2 Pemilihan tajuk	4
1.3 Objektif kajian	5
1.3.1 Mengumpul, menyusun dan mengkompilasi data	6
1.3.2 Mentafsir semula data yang dikumpul	6
1.3.3 Menjawab persoalan struktur sosial Kedah Tua	7
1.3.4 Menyediakan kronologi perkembangan Kedah Tua	8
1.3.5 Merumuskan gambaran holistik Kedah Tua	8
1.4 Metodologi kajian	9
1.4.1 Pengumpulan data	10
1.4.2 Tafsiran data	12
1.4.3 Perbincangan	13
1.5 Skop kajian	14
1.6 Fokus dan susunan bab	17
BAB 2 PENSEJARAHAN KEDAH TUA DAN ASIA TENGGARA	20
2.1 Landasan teoritis	20
2.2 Kajian terdahulu	21
2.2.1 Perintis kajian di Lembah Bujang	23
2.2.2 Kajian di Lembah Bujang 1937-2007	25
2.2.3 Pengkaji-pengkaji utama Lembah Bujang	33
2.3 Isu-isu dalam kajian Lembah Bujang	38
2.3.1 Isu kronologi	40
2.3.2 Isu struktur politik	54

2.3.3 Isu struktur sosiobudaya	58
2.3.4 Isu struktur ekonomi	64
2.4 Kedah Tua dan Asia Tenggara	67
2.4.1 Kronologi politik dan sosioekonomi Asia Tenggara	69
2.4.2 Periodisasi Kedah Tua	80
2.4.3 Dogma politik dan sosiobudaya Kedah Tua	89
2.4.4 Fokus kajian	99
BAB 3 BUKTI BERTULIS	101
3.1 Sumber bertulis mengenai Kedah Tua	101
3.2 Sumber India	104
3.2.1 Syair Tamil	107
3.2.2 Sastera Sanskrit	111
3.2.3 Sumber prasasti	114
3.2.4 Analisis sumber India	120
3.3 Sumber Arab	121
3.3.1 Sumber Arab kurun ke-9 hingga ke-14 Masihi	123
3.3.2 Analisis sumber Arab	126
3.4 Analisis bukti bertulis	128
BAB 4 BUKTI ARKEOLOGI	131
4.1 Pengenalan	131
4.2 Penemuan monumen	132
4.2.1 Tapak 4	136
4.2.2 Tapak 5	137
4.2.3 Tapak 6	139
4.2.4 Tapak 8	139
4.2.5 Tapak 11/3	141
4.2.6 Tapak 12/13	142
4.2.7 Tapak 14	143
4.2.8 Tapak 15	145
4.2.9 Tapak 16	146
4.2.10 Tapak 17	147
4.2.11 Tapak 18	148
4.2.12 Tapak 19/21/22	150
4.2.13 Tapak 31	151
4.2.14 Tapak 50	152
4.2.15 Analisis penemuan monumen	153
4.3 Penemuan seramik	158
4.3.1 Seramik Sungai Mas	161
4.3.1.1 Data penyelidikan arkeologi Intra-Asean	163
4.3.1.2 Data penyelidikan Allen	165
4.3.1.3 Data penyelidikan Nik Hassan Shuhaimi	169
4.3.2 Seramik Pengkalan Bujang	172
4.3.2.1 Data Lamb	173
4.3.2.2 Data Leong	177

4.3.2.3 Data Allen	182
4.3.3 Seramik Kampung Simpor Tambang	185
4.3.4 Seramik Kampung Sireh	187
4.3.5 Seramik-seramik pencil	189
4.3.6 Analisis penemuan seramik	191
4.4 Penemuan arca	198
4.4.1 Arca kepala Buddha Kampung Sungai Mas	199
4.4.2 Arca Buddha berdiri Kampung Pendiati	201
4.4.3 Arca Terracota Pengkalan Bujang I	201
4.4.4 Arca Terracota Pengkalan Bujang II	202
4.4.5 Arca Boddhisattva Pengkalan Bujang I	202
4.4.6 Arca Buddha berdiri Pengkalan Bujang	203
4.4.7 Arca Boddhisattva Pengkalan Bujang II	203
4.4.8 Arca Durga mengalahkan Mahiśasura	203
4.4.9 Arca Ganeśa	204
4.4.10 Arca Hariti	204
4.4.11 Analisis penemuan arca	205
4.5 Epigrafi Lembah Bujang	206
4.5.1 Prasasti Cherok Tokkun	209
4.5.2 Prasasti Buddhagupta	213
4.5.3 Prasasti Bukit Meriam	216
4.5.4 Prasasti Tapak 1	218
4.5.5 Prasasti Tapak 2	221
4.5.6 Prasasti Sungai Mas I	223
4.5.7 Prasasti Sungai Mas II	227
4.5.8 Prasasti Kepingan Perak Tapak 10	232
4.5.9 Prasasti dalam bentuk fragmen	234
4.5.10 Analisis penemuan prasasti	236
4.6 Rumusan data arkeologi Lembah Bujang	238
BAB 5 PENEMPATAN, SOSIOBUDAYA DAN POLITIK MASYARAKAT KEDAH TUA	240
5.1 Arkeologi dan gambaran masyarakat Kedah Tua	240
5.2 Persekitaran penempatan Kedah Tua	243
5.3 Kedah Tua sebagai sebuah entiti politik	252
5.3.1 Pertimbangan data	255
5.3.2 Pertimbangan teori	263
5.3.2.1 Model politik Christie	265
5.3.2.2 Model politik Bronson	271
5.3.3 Teori dan definasi kerajaan	278
5.3.4 Peralihan sosioekonomi	284
5.3.5 Politik dan sosioekonomi Kedah Tua	290
5.4 Indianisasi dan Kedah Tua	298
5.5 Rumusan dinamika sosial masyarakat Kedah Tua	304

BAB 6 KRONOLOGI SEJARAH KEDAH TUA	307
6.1 Kronologi Kedah Tua	307
6.2 Pra-Kebangkitan Kedah Tua	309
6.2.1 Perkembangan Kedah Tua sebelum kurun ke-3 Masihi	311
6.2.2 Kedah Tua dan Funan	314
6.2.3 Kedah Tua selepas kemerosotan Funan	318
6.2.4 Lokasi Kedah Tua	321
6.3 Permulaan Kebangkitan Kedah Tua	324
6.3.1 Kedah Tua sebagai pelabuhan entrepôt	326
6.3.2 Kedah Tua dan Srivijaya	331
6.3.3 Suasana politik kurun ke-8 hingga ke-9 Masihi	336
6.4 Kegemilangan Kedah Tua (Kurun ke-10 hingga ke-14 Masihi)	339
6.4.1 Bukti kegemilangan Kedah Tua	340
6.4.2 Dua pusat pelabuhan Kedah Tua	345
6.4.3 Faktor perkembangan Kedah Tua	350
6.4.3.1 Dasar perdagangan Dinasti Sung	351
6.4.3.2 Perkembangan empayar Suvarnabhumi	355
6.5 Pasca-Entrepôt Kedah Tua (selepas Kurun ke-14 Masihi)	358
6.5.1 Bukti kemerosotan Kedah Tua	359
6.5.2 Faktor kemerosotan Kedah Tua	362
6.5.2.1 Perubahan persekitaran ekonomi Kepulauan Melayu	364
6.5.2.2 Perubahan politik Asia Tenggara	369
6.5.2.3 Faktor geografi	375
6.6 Perubahan dan kesinambungan sejarah Kedah Tua	377
BAB 7 KESIMPULAN	380
7.1 Pengumpulan data	380
7.2 Tafsiran data	381
7.3 Penempatan, struktur politik dan sosiobudaya	383
7.4 Urutan kronologi	384
7.5 Gambaran keseluruhan Kedah Tua	385
RUJUKAN	387
LAMPIRAN	

SENARAI PETA

Peta	Tajuk	Halaman
1.1	Lokasi Lembah Bujang	2
4.1	Taburan penemuan candi Lembah Bujang	135
4.2	Taburan penemuan seramik Lembah Bujang	160
4.3	Taburan penemuan arca Lembah Bujang	200
4.4	Taburan penemuan prasasti Lembah Bujang	210

SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk	Halaman
2.1	Ringkasan periodisasi Kedah Tua	40
2.2	Ringkasan gambaran mengenai struktur politik Kedah Tua	54
2.3	Ringkasan mengenai Struktur Sosiobudaya Kedah Tua	58
4.1	Senarai pentarikan tapak candi	153
4.2	Jumlah artifak seramik yang ditemui dalam kajian Intra Asian	164
4.3	Ringkasan data penemuan seramik Kampung Sungai Mas oleh Allen	165
4.4	Ringkasan data penemuan seramik Kampung Sungai Mas oleh Nik Hassan Shuhaimi	170
4.5	Ringkasan penemuan seramik dan manik ekskavasi 1961 oleh Lamb	175
4.6	Ringkasan penemuan selain seramik dan manik ekskavasi 1961 oleh Lamb	176
4.7	Klasifikasi Seramik Jenis A oleh Leong	178
4.8	Klasifikasi Seramik jenis B oleh Leong	179
4.9	Klasifikasi Seramik Jenis C oleh Leong	180
4.10	Penemuan Seramik Pengkalan Bujang tapak 80, 8, 84 dan 86 oleh Allen	183
4.11	Penemuan Seramik Pengkalan Bujang tapak 83 oleh Allen	183
4.12	Penemuan Seramik Kampung Simpor Tambang oleh Allen	185
4.13	Penemuan Seramik Kampung Sireh oleh Allen	188
4.14	Ringkasan penemuan seramik oleh H. G. Quaritch-Wales	190
4.15	Ringkasan penemuan seramik tapak 63, 65, 70 dan 85 oleh Allen	190
4.16	Taburan seramik Kampung Sungai Mas mengikut kronologi	193

4.17	Taburan seramik Pengkalan Bujang mengikut kronologi	193
4.18	Taburan seramik Kampung Simpor Tambang mengikut Kronologi	194
4.19	Taburan seramik Kampung Sireh mengikut Kronologi	194
4.20	Taburan seramik Lembah Bujang mengikut kronologi	194
4.21	Taburan seramik tapak Kampung Sungai Mas, Pengkalan Bujang, Kampung Simpor Tambang dan Kampung Sireh mengikut kronologi dan peratusan	195
4.22	Taburan seramik keseluruhan Lembah Bujang mengikut kronologi dan jumlah	195

SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk	Halaman
4.1	Carta pai taburan seramik mengikut fasa	196
4.2	Carta bar taburan peratusan seramik setiap tapak	197
4.3	Faksimilie Prasasti Cherok Tokkun Barisan 1	211
4.4	Faksimilie Prasasti Cherok Tokkun Barisan 2	211
4.5	Faksimilie Prasasti Cherok Tokkun Barisan 3	211
4.6	Faksimilie Prasasti Cherok Tokkun Barisan 4	212
4.7	Faksimilie Prasasti Cherok Tokkun Barisan 5	212
4.8	Faksimilie Prasasti Cherok Tokkun Barisan 6	212
4.9	Prasasti Bukit Meriam Barisan 1	217
4.10	Prasasti Bukit Meriam Barisan 2	217
4.11	Prasasti Bukit Meriam Barisan 3	217
4.12	Prasasti Bukit Meriam Barisan 4	217
4.13	Prasasti Bukit Choras Muka 1	219
4.14	Prasasti Bukit Choras Muka 2	219
4.15	Prasasti Bukit Choras Muka 3	220
4.16	Prasasti Kampung Pendiati Muka 1	221
4.17	Prasasti Kampung Pendiati Muka 2	222
4.18	Prasasti Kampung Pendiati Muka 3	222
4.19	Prasasti Kepingan Perak Tapak 10a	232
4.20	Prasasti Kepingan Perak Tapak 10b	233
4.21	Prasasti Kepingan Perak Tapak 10c	233
4.22	Prasasti Kepingan Perak Tapak 10d	233

4.23	Prasasti Kepingan Perak Tapak 10e	234
4.24	Prasasti Kepingan Perak Tapak 10f	234
4.25	Prasasti Cembul Perak Tapak 14	235
5.1	Keadaan mukabumi Lembah Bujang dari 640 Sebelum Masihi hingga 1300 Masihi	252
5.2	Gambaran Model Bronson	272
5.3	Taburan tapak mengikut model Bronson	275
6.1	Peta Kedah Tua dengan taburan artifak dari kurun ke-6 hingga ke-7 Masihi	319
6.2	Peta Kedah Tua dengan taburan artifak dari kurun ke-7 hingga ke-10 Masihi.	327
6.3	Peta Kedah Tua dengan taburan artifak dari kurun ke-10 hingga ke-14 Masihi	345
6.4	Fasa-fasa perubahan garis pantai Lembah Bujang	376

SENARAI FOTO

Foto	Tajuk	Halaman
4.1	Prasasti Buddhagupta Barisan 1	214
4.2	Prasasti Buddhagupta Barisan 2	214
4.3	Prasasti Buddhagupta Barisan 3	214
4.4	Prasasti Buddhagupta Barisan 4	215
4.5	Prasasti Sungai Mas I Baris 1	225
4.6	Prasasti Sungai Mas I Baris 1	225
4.7	Prasasti Sungai Mas I Baris 2	225
4.8	Prasasti Sungai Mas I Baris 2	226
4.9	Prasasti Sungai Mas I Baris 2	226
4.10	Prasasti Sungai Mas II Muka 1	228
4.11	Prasasti Sungai Mas II Muka 2	228

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Tajuk
1	Pelan candi tapak 4
2	Pelan candi tapak 5
3	Pelan candi tapak 6
4	Pelan candi tapak 8
5	Pelan candi tapak 11/3
6	Pelan candi tapak 12/13
7	Pelan candi tapak 14
8	Pelan candi tapak 15
9	Pelan candi tapak 18
10	Pelan candi tapak 16
11	Pelan candi tapak 17
12	Pelan candi tapak 21
13	Pelan candi tapak 22
14	Pelan candi tapak 31
15	Pelan candi tapak 50
16	Pelan candi tapak 19
17	Pelan kuil Adikesavaperumal
18	Pelan kuil Airavatesvara
19	Pelan kui Muktesvara
20	Pelan kuil Matangesvara
21	Pelan kuil Vaikunthaperumal
22	Pelan kuil Tripurantakesvara

23	Foto kepala Buddha Sungai Mas
24	Foto arca Buddha berdiri Kampung Pendi
25	Foto Terracota Pengkalan Bujang I
26	Foto arca Terracota Pengkalan Bujang II
27	Foto arca arca Boddhisattva Pengkalan Bujang I
28	Foto arca Buddha berdiri Pengkalan Bujang
29	Foto arca Boddhisattva Pengkalan Bujang II
30	Foto arca Durga mengalahkan Mahiśasura
31	Foto arca Ganesa
32	Foto arca Hariti
33	Foto prasasti Buddhagupta
34	Foto prasasti Sungai Mas 1
35	Foto prasasti-prasasti kepingan emas tapak 8
36	Peta Geomorfologi Intra Asean
37	Rajah perubahan Garis Pantai Lembah Bujang
38	Bentuk garis pantai awal Kedah Tua
39	Perubahan Garis Pantai Kedah Tua
40	Kerangka rekonstruksi garis pantai Kedah Tua
41	Senarai penerbitan penulis

PENSEJARAHAN KEDAH TUA: SATU ANALISIS SOSIOEKONOMI

ABSTRAK

Tesis ini merupakan satu kajian pensejarahan yang melibatkan penilaian semula terhadap kajian-kajian terdahulu dari aspek politik, sosiobudaya, pola penempatan dan urutan kronologi Kedah Tua. Tafsiran semula dari aspek pensejarahan yang dibuat tersebut adalah berlandaskan kepada persekitaran sosioekonomi masyarakat Kedah Tua. Kajian dalam tesis ini bertujuan untuk mengumpul dan mengkompilasi kesemua data-data mengenai Kedah Tua, mentafsir semula data yang dikumpul, menjawab semula persoalan mengenai struktur sosial Kedah Tua dan menyediakan urutan kronologi perkembangan Kedah Tua. Tesis ini merupakan satu gambaran secara holistik mengenai Kedah Tua. Metodologi kajian tesis ini melibatkan pertimbangan pensejarahan pada kajian terdahulu, pengumpulan data, tafsiran data dan perbincangan struktur sosial dan kronologi

Data yang dipertimbangkan dalam kajian ini termasuklah data arkeologi, sumber bertulis, data geomorfologi dan data etnologi. Data arkeologi yang terdiri daripada hasil kajian terdahulu dikompilasi dan dianalisis semula secara kualitatif dan kuantitatif. Gambaran yang diberikan sumber bertulis asing mengenai Kedah Tua turut dibahas dengan lanjut. Kesemua sumber-sumber tersebut ditafsir semula mengikut konteks persekitaran geomorfologi, etnologi dan sosioekonomi masyarakat Kedah Tua. Kajian dalam tesis ini telah membuktikan bahawa wujud dua organisasi politik yang berasingan yang wujud serentak di Kedah Tua. Dari segi sosiobudaya, kemungkinan sebahagian besar masyarakat Kedah tidak mengalami proses Indianisasi. Kajian ini telah membuktikan bahawa urutan kronologi sejarah Kedah Tua telah bermula sejak kurun ke-2 hingga ke-14 Masihi.

HISTORIOGRAPHY OF OLD KEDAH: A SOCIO-ECONOMIC ANALYSIS

ABSTRACT

This thesis is a historiographical study that involves a review on previous researches on Old Kedah in terms of her political structure, socio-cultural condition, settlement pattern and historical chronology. The historiographical interpretations are based on the socio-economical formation of the ancient society of Old Kedah. This study aims to collect and compile all existing data about Old Kedah. Those data are reinterpreted and recompiled to answer main questions about the social structure of Kedah while establishing her historical chronology. This thesis is an overall and holistic description about the intensely studied history of Old Kedah. The methodology of the research involves a historiographical review on all existing theories, collection of data and a reinterpretation of the data.

The data considered in this research include archaeological data, historical data, geomorphological data and ethnological data. The archaeological data quoted from previous researches are compiled and reanalyzed qualitatively and quantitatively. For historical records, all descriptions about Old Kedah are discussed comprehensively. All data are interpreted within the geomorphological, ethnological and socio-economical context of Old Kedah. This thesis has discussed about the probability of the existence of dual political organizations that co-existed simultaneously. In terms of the socio-cultural condition, most probably most of the natives of Old Kedah were never indianised. This thesis also narrates the history of Old Kedah throughout her development from the 2nd Century C.E up to 14th Century C.E.

BAB SATU


PENDAHULUAN

1.1 Latar belakang

Kedah Tua merupakan sebuah kota pelabuhan purba yang terletak di Lembah Bujang, iaitu sebuah kawasan yang merangkumi Lembah Sungai Muda di Selatan hingga ke Sungai Sala di Utara. Kawasan ini kini meliputi daerah Seberang Perai Utara, Kuala Muda, Yan, dan Kota Setar (Peta 1.1).¹ Zaman awal kewujudan penempatan perdagangan di Lembah Bujang diandai berdasarkan kepada sumber-sumber Tamil yang memberi maklumat mengenai kepentingan pelabuhan Kedah Tua. Zaman kemerosotan Kedah Tua pada kurun ke-14 Masihi pula diketahui melalui kewujudan lapisan stratigrafi kosong di atas lapisan artifak zaman Sung-Yuan di Pengkalan Bujang.

Secara keseluruhan, Lembah Bujang memiliki keluasan lebih kurang 369 kilometer persegi. Kawasan tersebut ditakrif berdasarkan lokasi-lokasi jumpaan arkeologi yang ditemui di sekitar dan di antara kedua-dua lembah sungai tersebut. Penemuan arkeologi di Lembah Bujang terdiri daripada runtuhannya candi Hindu-Buddha, seramik, manik, serpihan arca Hindu-Buddha dan prasasti-prasasti ringkas. Berdasarkan kepada bukti arkeologi dan rekod bertulis, Kedah Tua dikatakan telah mula wujud sebagai sebuah penempatan dan pelabuhan dagang pesisir Selat Melaka sejak kurun ke-2 Masihi lagi.

¹ Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman dan Othman Mohd Yatim, *Warisan Lembah Bujang*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1992, hlm. 10.



Peta 1.1: Lokasi Lembah Bujang
 Sumber: Olahan semula dari *Peta Sungai Petani*, Siri L7010 Cetakan 1-PPNM Syit 16, Pengarah Pemetaan Negara, 1971.

Selain daripada data arkeologi, wujud juga sumber-sumber bertulis asing yang memberi gambaran tentang Kedah Tua. Perkembangan Kedah Tua sebagai sebuah pusat pelabuhan entrepot digambarkan melalui catatan pengembara dari China, India dan Timur Tengah.² Kredibiliti catatan para pengembara asing ini adalah tinggi walaupun gambaran yang diberikan di dalam sumber-sumber tersebut datangnya dari sudut pandangan yang berbeza-beza mengikut latar belakang sosiobudaya penulisnya. Wujud juga sumber-sumber tempatan yang menceritakan tentang sejarah Kedah Tua seperti *Hikayat Merong Mahawangsa* dan *Al Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Walau bagaimanapun, fakta-fakta dari sumber tempatan seringkali disulami unsur lagenda dan mitos sehinggakan sukar untuk mengesahkan kesahihan gambaran yang diberikan. Hal ini dapat dilihat apabila kebanyakan kisah-kisah yang dipaparkan di dalam kedua-dua sumber tersebut sehingga kini belum dapat dibuktikan melalui penemuan arkeologi ataupun sumber-sumber penulisan yang lain.³

Gabungan data arkeologi dan sumber bertulis berkenaan Kedah Tua telah membuka ruang kepada pelbagai bentuk hipotesis mengenai gambaran sosioekonomi masyarakatnya. Wujud pelbagai bentuk intepretasi yang dibuat mengenai Kedah Tua berdasarkan persepsi para pengkaji yang berbeza-beza. Kepelbagaian dalam bentuk intepretasi mengenai sejarah Kedah Tua memerlukan kepada satu kajian pensejarahan terhadap teori-teori tersebut serta penilaian semula terhadap data-data yang sedia ada. Kajian ini merupakan salah satu usaha untuk melihat perkembangan Kedah Tua dari aspek yang berbeza. Tesis ini melibatkan penilaian semula terhadap

² Lihat Nasha Rodziadi Khaw dan Nazarudin Zainun, "Pensejarahan Kedah Tua: Tafsiran Semula Berdasarkan Sumber India", *Purba [Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia]*, Bil. 26, 2007, hlm. *passim*.

³ Perkara ini akan dihuraikan dengan lebih lanjut di dalam Bab Tiga.

kajian-kajian lalu serta mempertimbangkan penemuan-penemuan terbaru di Lembah Bujang dalam memberi gambaran penuh tentang keadaan sosioekonomi masyarakat Kedah Tua.

1.2 Pemilihan tajuk

Tajuk yang diberi untuk tesis ini ialah “Pensejarahan Kedah Tua: Satu Analisis Sosioekonomi”. Pelabuhan Kedah Tua dipilih untuk penelitian ini kerana beberapa faktor. Faktor pertama adalah kerana kepentingan Kedah Tua sebagai satu-satunya pelabuhan entrepôt di Semenanjung Tanah Melayu sebelum keagungan Melaka. Di samping itu, wujud kepelbagaian dari segi sumber mengenai Kedah Tua berbanding dengan kota-kota pelabuhan lain di Semenanjung Tanah Melayu seperti Beruas, Gangga Negara, Langkasuka, ataupun kerajaan Ch’ih-Tu. Kepelbagaian sumber tersebut adalah dari segi catatan bertulis dan data arkeologi boleh membuka ruang kepada lebih banyak intepretasi baru. Dengan wujudnya sumber-sumber tersebut, pelbagai pandangan baru dapat dikemukakan dalam kajian ini.

Kajian ini merupakan satu bentuk kajian pensejarahan yang melibatkan penelitian semula dan analisis terhadap kajian-kajian terdahulu. Kajian arkeologi terkini sentiasa membawa kepada penemuan dan interpretasi baru yang dari semasa ke semasa memperkayakan lagi kerangka sejarah Kedah Tua yang sedia wujud. Oleh yang demikian, proses analisis, penelitian semula dan pengubahsuaian teori berdasarkan penemuan terkini dianggap sebagai elemen pensejarahan dalam kaedah *historical archaeology* yang digunakan. Kaedah pensejarahan yang dilakukan digunakan dalam penentuan kronologi sejarah Kedah Tua. Hal ini dilakukan melalui penilaian semula terhadap pembabakan yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu

dan seterusnya mengubahsui pembabakan tersebut berdasarkan kepada penemuan baru yang wujud, ataupun intepretasi semula terhadap penemuan sedia ada.

Konotasi perkataan “sosioekonomi” yang digunakan berkait rapat dengan perbincangan terhadap aspek sosiobudaya dan struktur politik masyarakat awal Kedah Tua. Hal ini kerana diketahui secara teoritis bahawa perkembangan kebudayaan sesebuah masyarakat bertunjangkan kepada substruktur ekonomi dan ekozon masyarakatnya. Oleh yang demikian, analisis dan kritikan cuma dapat dibuat terhadap teori- teori sedia ada mengenai Kedah Tua dari aspek sosioekonomi. Ini kerana analisis sosioekonomi merupakan satu-satunya sisi kajian yang melihat kebudayaan sebagai sesuatu yang dinamik dan pada masa yang sama dapat menyanggah pandangan yang bertolak dari intepretasi kesenian artifak yang bersifat statik. Oleh yang demikian, berdasarkan kepada pertimbangan terhadap perkara-perkara di atas, tajuk “Pensejarahan Kedah Tua: Satu Analisis Sosioekonomi” dipilih untuk kajian tesis ini.

1.3 Objektif kajian

Kelemahan utama kebanyakan penelitian terdahulu mengenai Kedah Tua merupakan intepretasi mereka yang bertitik tolak dari hujah yang bersifat *a priori*. Andaian tersebut merupakan tanggapan yang meletakkan penemuan-penemuan seperti arca dan candi sebagai hasil daripada perkembangan teknologi dan nilai estetika tempatan penduduk awal Kedah Tua. Ini membawa kepada wujudnya kelompangan dalam hujah-hujah berkaitan status politik dan sosioekonomi masyarakat awal Kedah Tua. Kebanyakan kajian yang dilakukan mengenai Kedah

Tua tidak dijalankan secara sistematis. Oleh yang demikian, tesis ini merupakan satu kajian dan analisis semula terhadap data arkeologi dan sumber bertulis mengenai Kedah Tua dengan lebih sistematis. Penilaian semula tersebut melibatkan kajian pensejarahan terhadap teori-teori pengkaji terdahulu berlandaskan kepada analisis dari aspek sosioekonomi terhadap data arkeologi dan bertulis yang wujud. Berikut merupakan objektif kajian bagi tesis ini:

1.3.1 Mengumpul, menyusun dan mengkompilasi data

Dalam kajian-kajian terdahulu mengenai Kedah Tua, data-data yang wujud selama ini tidak direkodkan secara teratur dan berada dalam keadaan kurang tersusun. Sehingga kini, kebanyakan data tersebut wujud dalam bentuk laporan-laporan ekskavasi, artikel-artikel dan buku-buku yang diterbitkan secara berasingan berdasarkan kepada jenis data yang cuba diuraikan. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mencungkil dan menggabungkan segala data yang diketahui wujud mengenai Kedah Tua di bawah satu bab supaya ia dapat dilihat secara *en bloc*. Data yang dipertimbangkan dalam tesis ini dikutip dari kajian-kajian terdahulu dan juga hasil kajian terkini.

1.3.2 Mentafsir semula data yang dikumpul

Kajian ini bertujuan untuk menilai semula data-data yang telah dikumpul mengenai Kedah Tua dari aspek senibina, seramik, ikonografi, epigrafi dan data bertulis. Data-data yang telah dikumpul dan disusun tersebut dianalisis semula secara keseluruhan. Hasil analisis tersebut dijadikan landasan dan titik tolak kepada hujah-hujah diberikan dalam tesis ini. Analisis senibina candi, arca dan prasasti yang teratur dilakukan untuk menentukan asal-usul penemuan-penemuan tersebut.

Analisis artifak yang dijalankan diharap dapat mengubah persepsi sebelum ini yang seringkali secara melulu menekankan Kedah Tua sebagai sebuah tamadun Hindu-Buddha. Tafsiran semula terhadap sumber bertulis bertujuan untuk mendapat gambaran yang lebih jelas mengenai perkembangan sejarah Kedah Tua. Penilaian semula tersebut melibatkan kajian pensejarahan terhadap teori-teori pengkaji terdahulu berdasarkan kepada analisis dari aspek sosioekonomi terhadap data-data arkeologi dan sejarah.

1.3.3 Menjawab persoalan struktur sosial Kedah Tua

Berdasarkan kepada tafsiran data-data arkeologi dan sumber bertulis yang digandingkan dengan data geomorfologi, demografi dan etnologi, struktur sosiobudaya dan politik masyarakat Kedah Tua cuba ditentukan. Kajian ini menentukan sama ada penemuan yang wujud di Lembah Bujang benar-benar mewakili kebudayaan material penduduk awal Kedah Tua atau tidak. Status politik Kedah Tua juga dinilai semula dalam tesis ini. Berdasarkan intepretasi terhadap data-data yang sedia ada, persoalan sama ada Kedah Tua wujud sebagai sebuah kerajaan beraja, sebuah *Chieftdom*, ataupun sebagai sebahagian daripada unit pentadbiran empayar maritim lain akan cuba dijawab. Di samping itu, hubungan Kedah Tua dengan dunia luar, sama ada dari segi ekonomi mahupun politik turut cuba digarap. Hal ini melibatkan kajian terhadap peranan dan pengaruh pelabuhan Kedah Tua terhadap kesinambungan dan perkembangan perdagangan di Selat Melaka sejak kurun ke-3 Sebelum Masihi. Hubungan Kedah Tua dengan empayar-empayar maritim seperti Funan, Srivijaya dan Suvarnabhumi juga diteliti.

1.3.4 Menyediakan kronologi perkembangan Kedah Tua

Berdasarkan keseluruhan kajian, kronologi perkembangan politik dan sosioekonomi dari awal perkembangan Kedah Tua hingga ke zaman kemerosotannya dibahaskan. Dalam kronologi tersebut, perkembangan Kedah Tua dibahagikan kepada beberapa fasa yang didefinisi berdasarkan kepada ciri-ciri tertentu. Sehingga kini, semakin banyak tapak baru telah mula ditemui di Lembah Bujang. Hal ini semestinya membawa kepada perkembangan kajian dari aspek-aspek baru mengenai Kedah Tua berdasarkan kepada penemuan-penemuan baru yang wujud. Dengan penelitian dan kupasan terhadap kesemua kajian lepas, tesis ini juga boleh berfungsi sebagai satu bentuk landasan untuk kajian-kajian lain pada masa hadapan, sama ada dari aspek teoritis mahupun metodologi kajian.

1.3.5 Merumuskan gambaran holistik Kedah Tua

Sehingga kini, masih belum wujud rekod lengkap yang mampu memberi gambaran yang konkrit mengenai masyarakat Kedah Tua pada zaman protosejarah. Zaman protosejarah di Kedah Tua merangkumi jangkamasa waktu dari kurun ke-3 Sebelum Masihi hingga ke kurun ke-15 Masihi. Zaman tersebut mewakili satu selang masa apabila masih belum wujud sistem penulisan tempatan yang menceritakan sejarah Kedah Tua tetapi wujud sumber penulisan luar dan data arkeologi yang mampu memberi gambaran yang sama. Oleh yang demikian, kajian ini yang menggunakan gabungan pelbagai pendekatan seperti pendekatan sejarah, arkeologi, etnografi dan antropologi yang dapat memberi gambaran yang holistik mengenai bentuk kesinambungan dan perubahan sejarah dan kebudayaan masyarakat

Kedah Tua. Kajian ini memberikan satu interpretasi baru yang dapat mengubah landasan pensejarahan Kedah Tua.

1.4 Metodologi Kajian

Di Semenanjung Tanah Melayu, zaman protosejarah berlangsung dari kurun ke-3 Sebelum Masihi hingga penghujung kurun ke-14 Masihi. Zaman protosejarah merupakan zaman peralihan dari zaman prasejarah ke zaman sejarah. Kajian mengenai zaman ini di Semenanjung Tanah Melayu adalah amat mencabar diakibatkan oleh jumlah sumber yang amat terhad. Metodologi penyelidikan bagi tapak-tapak pada zaman ini sudah tentu berbeza berbanding tapak zaman prasejarah ataupun sejarah. Ini kerana pertimbangan data melibatkan lebih dari data arkeologi dan sumber bertulis. Bagi kajian mengenai Kedah Tua, metodologi kajiannya bukan sahaja mempertimbangkan data yang ditemui di tapak Lembah Bujang, tetapi turut mengambilkira data dari tapak-tapak arkeologi lain. Contohnya adalah seperti penemuan prasasti dan sumber bertulis yang ada menyebut mengenai kota pelabuhan tersebut. Kajian ini turut mempertimbangkan aspek etnologi dan juga antropologi untuk mendapatkan gambaran teoritis yang lebih jelas mengenai persekitaran sosial masyarakat pada ketika itu.

Metadologi kajian bagi penelitian ini melibatkan tiga peringkat utama. Peringkat pertama melibatkan pengumpulan data arkeologi dan rekod bertulis yang seterusnya ditafsir pada peringkat kedua. Bahagian terakhir merupakan bahagian perbincangan apabila persoalan mengenai struktur sosial dan kronologi Kedah Tua digarap berdasarkan kepada hasil tafsiran data tersebut.

1.4.1 Pengumpulan data

Kajian ini bermula dengan kerja-kerja pengumpulan data. Data yang dimaksudkan wujud dalam tiga bentuk iaitu data arkeologi, data geomorfologi dan rekod bertulis. Data Arkeologi terdiri daripada laporan-laporan ekskavasi yang mengandungi maklumat tentang penemuan artifak yang wujud di Lembah Bujang. Maklumat-maklumat tersebut termasuklah data dari segi taburan, tipologi, pentarikan dan jumlah artifak yang wujud. Data-data tersebut didapati daripada kerja-kerja ekskavasi dan peninjauan lapangan yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Di samping itu, wujud juga data-data yang diambil daripada kajian yang sedang dijalankan sekarang. Data yang digunakan terdiri daripada sumber pertama dan sumber kedua.

Rekod-rekod penulisan melibatkan catatan-catatan awal mengenai Kedah Tua yang wujud sejak kurun ke-2 Masihi lagi. Catatan-catatan tersebut termasuklah sumber-sumber India, China dan Arab. Di samping itu, wujud juga sumber-sumber tempatan yang dapat memberi gambaran tentang sejarah Kedah Tua. Sumber penulisan dapat diperolehi daripada kajian di perpustakaan. Data geomorfologi pula melibatkan gambaran mengenai perubahan keadaan muka bumi pada zaman yang hendak dikaji. Data-data yang telah dikumpul akan diolah dan diklasifikasi mengikut jenisnya. Data-data arkeologi disusun semula dan dibahagi berdasarkan kepada jenis-jenis artifak yang wujud. Antara artifak-artifak yang diberi perhatian termasuklah candi, seramik, arca, dan prasasti. Data mengenai artifak-artifak tersebut disenaraikan, diklasifikasikan semula dan disusun secara teratur. Sumber-sumber penulisan pula disenarai dan dipetik satu demi satu, serta diklasifikasikan mengikut jenisnya. Hasil kajian geomorfologi pula diolah semula dengan tumpuan diberikan

kepada data yang berkaitan dengan perubahan garis pantai. Ketiga-tiga bentuk data tersebut akan disusun dan dikompilasikan semula, seterusnya akan dianalisis.

Sumber pertama terdiri dari sumber-sumber yang masih belum diolah dan wujud dalam bentuk data mentah. Antaranya adalah seperti data yang diperoleh dari kerja lapangan, laporan-laporan ekskavasi, kutipan dari rekod-rekod pengembara asing dan hasil analisis artifak yang masih belum diterbitkan. Kebanyakan laporan ekskavasi dan hasil analisis artifak boleh diperolehi daripada arkib Muzium Negara dan daripada Jabatan Warisan Negara. Laporan-laporan tersebut memberikan data hasil daripada ekskavasi yang pernah dilakukan sebelum ini. Di samping itu, sumber pertama yang lain termasuklah laporan geomorfologi yang dilakukan di tapak-tapak yang dikaji. Sumber catatan asing mengenai Kedah Tua pula dikutip dari buku-buku yang telah mengkompilasi catatan-catatan tersebut.⁴ Walaupun buku-buku merupakan sumber-sumber yang telah diterbitkan, kutipan yang diambil merupakan sumber asli yang masih belum diolah. Dalam buku-buku tersebut, catatan-catatan asing yang digunakan cuma merupakan hasil terjemahan ke bahasa Melayu dan Inggeris tanpa sebarang pengolahan dari segi maksud. Buku-buku tersebut pula diperolehi daripada arkib Muzium Arkeologi Lembah Bujang.

Sumber kedua terdiri daripada penulisan yang telah diolah dan diterbitkan, antaranya adalah seperti tesis, buku, makalah dan prosiding seminar. Sumber-sumber tersebut memberi maklumat tentang data dan interpretasi yang pernah diolah para pengkaji terdahulu mengenai tapak-tapak di Lembah Bujang. Sumber kedua adalah

⁴ Paul Wheatley, *The Golden Khersonese*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1961 dan W. P. Groeneveldt, *Historical notes in Indonesia and Malaya compiled from Chinese source*, Jakarta: C. V. Bhratara, 1960.

penting dalam menyediakan kerangka teoritis bagi kajian pensejarahan Kedah Tua. Ia mewakili pandangan para pengkaji terdahulu mengenai Kedah Tua berdasarkan kepada penemuan yang ditemui oleh mereka. Sumber-sumber tersebut boleh diperolehi di perpustakaan di beberapa buah institusi seperti di Muzium Negara, Pusat Penelitian dan Pengembangan Arkeologi Nasional (Indonesia), Universitas Indonesia, Universitas Padjadjaran, Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

1.4.2 Tafsiran data

Setelah data arkeologi dan sumber bertulis dikumpulkan dan disusun secara sistematik, data-data tersebut ditafsir untuk mendapat maklumat dari segi konteks lokasi dan hubungannya dengan persekitaran, pentarikhkan, nilai estetika, dan hubungannya dengan sejarah Kedah Tua. Hasil tafsiran tersebut menyediakan asas kepada perbincangan mengenai struktur sosiobudaya, ekonomi, politik dan kronologi Kedah Tua. Hasil daripada analisis-analisis tersebut, kesimpulan dibuat kepada setiap aspek data yang dikaji.

Data-data arkeologi yang wujud dianalisis dari beberapa aspek bergantung kepada jenis artifak yang wujud. Bagi artifak seperti seramik, analisis yang dibuat adalah dari segi tipologi, pentarikhkan dan taburan. Kesimpulan dibuat tentang persoalan mengapa dan bagaimana artifak tersebut boleh berada di lokasi tersebut. Bagi penemuan-penemuan seperti candi dan arca, analisis dari segi kesenian juga dilakukan. Analisis tersebut bertujuan untuk menentukan asal usul nilai estetika yang dimiliki oleh artifak tersebut. Bagi penemuan monumen, analisis dari segi senibina

dilakukan manakala bagi arca, aspek ikonografi diberi perhatian. Bagi penemuan prasasti pula, aksara prasasti tersebut serta isi kandungannya diteliti semula dan dibandingkan dengan penemuan-penemuan yang hampir sama di kawasan lain. Hal ini adalah penting kerana penelitian terhadap prasasti dapat memberikan pentarikan tapak, dan budaya masyarakat yang pernah wujud di kawasan tersebut. Di samping data-data tersebut, maklumat dari segi etnologi dan etnografi masyarakat pesisir turut diambil kira untuk melihat kebarangkalian keadaan budaya dan sosioekonomi yang paling hampir dengan masyarakat awal Kedah Tua pada ketika itu.

1.4.3 Perbincangan

Berdasarkan kepada data arkeologi, geomorfologi dan sumber bertulis yang telah ditafsirkan, persoalan mengenai struktur sosiobudaya, status politik dan kronologi Kedah Tua dibahas dengan menggunakan kaedah *historical archaeology*. Kaedah *historical archaeology* didefinisikan sebagai penelitian yang melibatkan penggunaan pendekatan arkeologi sebagai salah satu kaedah pensejarahan. Bagi menceritakan tentang perubahan dan kesinambungan peristiwa-peristiwa di Kedah Tua, sama ada melibatkan gambaran dari aspek politik, sosioekonomi ataupun budaya, kaedah arkeologi semata-mata adalah tidak mencukupi. Hal ini kerana data arkeologi dalam keadaan yang tidak diolah hanyalah satu bentuk rekod sejarah, tetapi secara bersendirian tidak dapat menceritakan sejarah. Fungsi data arkeologi bagi kes kajian di Kedah Tua adalah untuk memperkayakan kerangka teoritis yang telah tersedia terlebih dahulu oleh kaedah pensejarahan. Walaupun kadang kala penemuan arkeologi mampu untuk mengubah landasan sejarah sesebuah masyarakat, tetapi data empiris tetap harus berangkat dari landasan teoritis.

Kesimpulan yang dihasilkan pula dibuat selari dengan konteks kronologi perubahan politik dan sosioekonomi kerajaan-kerajaan awal di Asia Tenggara yang memberi kesan kepada perkembangan Kedah Tua. Perkara ini dilakukan dengan membandingkan hasil intepretasi data arkeologi dengan peristiwa-peristiwa penting di Asia Tenggara yang berlaku sezaman dengan perkembangan Kedah Tua. Hal ini adalah untuk memperoleh gambaran yang lebih jelas mengenai perkaitan kronologi sejarah Kedah Tua dengan perkembangan dunia luar. Kesimpulan-kesimpulan yang dirumuskan diolah semula dengan pendekatan pensejarahan, antropologi dan etnologi untuk sama ada mengukuhkan ataupun menyanggah teori-teori yang pernah dicadangkan mengenai Kedah Tua. Bagi teori yang disanggah, teori baru dicadangkan berdasarkan kepada hujah-hujah yang diberi.

1.5 Skop Kajian

Kawasan Lembah Bujang yang diberi perhatian dalam kajian ini (Peta 1.1) ialah dari Gunung Jerai di Utara, lembah Sungai Merbok, hingga ke lembah Sungai Muda di Selatan. Kawasan yang didefinisikan sebagai lembah Sungai Muda termasuklah kawasan sekitar Kampung Kota Kuala Muda hingga ke Pinang Tunggal manakala kawasan Lembah Sungai Merbok termasuklah kawasan sekitar Tanjung Dawai hingga ke Sungai Petani. Data-data arkeologi dari luar kawasan tersebut seperti Bukit Choras dan CheroK Tokkun turut dipertimbangkan. Walau bagaimanapun, dari segi pemetaan tapak, cuma kawasan yang dinyatakan tersebut sahaja diambil kira. Kerja rekonstruksi geomorfologi dilakukan terhadap kawasan tersebut adalah berdasarkan kepada pengubahsuaian terhadap kajian yang telah

dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Penelitian terhadap perubahan garis pantai dalam kajian ini tertumpu kepada faktor perubahan aras laut.

Sumber-sumber asing yang digarap dalam kajian ini terdiri daripada sumber India, China dan Arab. Sumber-sumber tersebut dikutip dari sumber kedua yang merupakan hasil kompilasi pengkaji lain yang telah diterjemahkan dari bahasa asal. Tesis ini tidak akan mempertimbangkan sumber tempatan dalam analisis. Hal ini kerana ciri naratif dan kredibiliti fakta yang diberikan dalam sumber tempatan kurang sesuai untuk dipertimbangkan sebagai sumber sejarah yang sah. Hampir kesemua data arkeologi yang dipertimbangkan dalam tesis merupakan data yang diperoleh hasil daripada kajian peninjauan dan ekskavasi yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Sebahagian kecil data diperoleh daripada peninjauan penulis di tapak-tapak arkeologi, penelitian terhadap penemuan yang disimpan dan dipamerkan di muzium serta penemuan arkeologi terkini. Penemuan arkeologi yang dipertimbangkan termasuklah candi, seramik, arca dan prasasti. Kajian terhadap artifak-artifak tersebut adalah untuk menjawab persoalan mengenai pentarikhan, asal-usul serta hubungannya dengan masyarakat Kedah Tua.

Bagi penemuan candi, perhatian khusus cuma diberikan kepada 15 tapak sahaja memandangkan tapak-tapak monumen yang lain telah rosak dan tidak lagi dapat dikaji dari aspek senibina. Tapak-tapak yang telah rosak tersebut cuma dipertimbangkan dari segi lokasi dan juga dari segi bahan binaan. Kajian terhadap penemuan seramik melibatkan kutipan terhadap laporan ekskavasi pengkaji terdahulu dan penyusunan semula data-data tersebut dari segi kuantitatif. Pertimbangan terhadap pentarikhan seramik-seramik tersebut adalah didasarkan

kepada kajian pengkaji terdahulu. Fokus utama diberikan kepada penemuan seramik-seramik asing. Bagi penemuan arca dan prasasti, analisis adalah berdasarkan kepada penilaian semula terhadap ciri-ciri kualitatif yang telah digarap terlebih dahulu oleh pengkaji terdahulu. Analisis untuk kedua-dua penemuan tersebut adalah untuk menjawab persoalan mengenai pentarikan dan gaya pengukirannya. Penelitian dalam tesis ini tidak mempertimbangkan penemuan arkeologi terbaru di Sungai Batu dan Pengkalan Bujang Tapak 23 yang masih berada pada peringkat kajian. Penemuan seramik yang diberi perhatian dalam tesis ini merupakan seramik-seramik Cina sahaja yang sehingga kini merupakan penemuan yang paling signifikan.

Perkara yang menjadi pemberat dalam kajian ini merupakan interpretasi terhadap aspek politik, sosiobudaya, penempatan dan kronologi sejarah Kedah Tua. Setiap satu aspek tersebut dihuraikan berdasarkan kepada penemuan arkeologi yang telah dikumpul. Bagi aspek politik dan sosiobudaya, penilaian dibuat berdasarkan kepada sudut pandang Marxis. Penilaian terhadap aspek politik memberi tumpuan kepada huraian mengenai bentuk organisasi sosial masyarakat Kedah Tua, manakala aspek sosiobudaya pula melibatkan perbincangan mengenai isu indianisasi masyarakat Kedah Tua.

Aspek penempatan yang dibahaskan dalam tesis ini pula adalah berdasarkan kepada kajian etnologi yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu serta rekonstruksi geomorfologi yang telah dilakukan. Huraian tersebut adalah untuk menjawab persoalan mengenai hubungan antara persekitaran, kegiatan ekonomi, serta taburan demografi penduduk Kedah Tua. Aspek kronologi yang digarap pula memberi gambaran mengenai aspek politik dan tahap kepentingan entrepôt Kedah

Tua pada setiap fasa dalam pembabakan sejarah tersebut. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak mempertimbangkan fasa perkembangan agama islam dalam kronologi perkembangan Kedah Tua.

1.6 Fokus dan susunan bab

Perbahasan di dalam tesis ini terdiri dari tiga bahagian utama, iaitu bahagian landasan teori, data dan intepretasi. Bahagian landasan teori memberi tumpuan kepada pandangan-pandangan para sarjana terdahulu secara terperinci. Pandangan sarjana-sarjana tersebut mengenai aspek politik, sosiekonomi, sosiobudaya dan kronologi Kedah Tua dinilai semula dari aspek pensejarahan. Seterusnya, isu dan permasalahan yang timbul dari kajian mereka dibahaskan.

Bahagian kedua merupakan kompilasi data arkeologi, bertulis dan geomorfologi yang melibatkan penyusunan, klasifikasi dan tafsiran semula terhadap data-data yang dikumpul dari sumber pertama dan kedua. Bahagian ketiga tesis ini melibatkan intepretasi mengenai Kedah Tua berdasarkan kepada perbahasan terhadap landasan teoritis dan data yang dibuat pada bahagian pertama dan kedua. Perbahasan dalam tesis ini dibahagikan kepada tujuh bab dengan setiap bab dibahagikan kepada beberapa subtajuk.

Bab pertama memberi fokus kepada latar belakang penyelidikan bagi tesis ini dari aspek objektif, metodologi dan skop kajian. Bab kedua membincangkan pensejarahan Kedah Tua. Dalam bab ini, kajian-kajian oleh pengkaji terdahulu dari tahun 1850 hingga tahun 2006 dihuraikan dari aspek bentuk penelitian, isi kandung

serta hasil kajian mereka. Di samping itu, disenaraikan juga penerbitan-penerbitan mereka berkenaan kajian di Lembah Bujang. Seterusnya, bab ini membincang isu dan masalah yang timbul dari kajian-kajian pengkaji terdahulu. Isu dan permasalahan dari aspek politik, sosioekonomi dan kronologi dibahaskan secara tematis dan seterusnya dianalisis semula dengan menggunakan pendekatan pensejarahan. Di samping itu, kronologi sejarah Kepulauan Asia Tenggara yang mempunyai kaitan dengan perkembangan Kedah Tua turut digarap.

Bab tiga dan empat memberi perhatian kepada data-data yang wujud mengenai Kedah Tua, iaitu sumber bertulis dan data arkeologi. Bagi sumber bertulis dalam bab tiga, dibahaskan sumber-sumber asing yang menyentuh tentang Kedah Tua. Sumber asing terdiri daripada sumber India, China dan Arab. Sumber-sumber tersebut terdiri daripada catatan pelayar, rekod-rekod dinasti China dan juga prasasti. Bab empat mempertimbangkan data-data arkeologi yang berkaitan dengan Kedah Tua. Data yang digarap termasuklah dari aspek penemuan monumen, seramik, arca dan prasasti. Data-data tersebut disusun dan dianalisis secara kuantitatif dan kualitatif. Seterusnya taburan lokasi penemuan artifak-artifak tersebut diplotkan semula di atas peta Lembah Bujang.

Berdasarkan kepada pertimbangan dari aspek pensejarahan terhadap teori-teori pengkaji terdahulu serta perbahasan mengenai data-data arkeologi dan sumber bertulis, intepretasi mengenai zaman lampau Kedah Tua dihuraikan dalam bab lima dan enam. Dalam bab lima, fokus diberikan pada aspek penempatan masyarakat Kedah Tua, status politik dan status sosiobudaya. Bagi aspek penempatan, huraian dibuat berdasarkan kepada data geomorfologi, taburan ruang penemuan arkeologi dan data-data etnografi.

Seterusnya, tafsiran dibuat mengenai aspek organisasi politik dan sosiobudaya masyarakat Kedah Tua. Dalam bab enam, fokus diberikan kepada aspek periodisasi sejarah Kedah Tua. Dalam bab ini, perkembangan Kedah Tua dari kurun ke-2 hingga ke-14 Masihi dibahaskan peringkat demi peringkat dengan perhatian diberikan kepada status pelabuhannya dan keadaan politiknya. Akhir sekali, dalam bab tujuh, kesimpulan keseluruhan untuk kajian ini diberikan.

BAB DUA

PENSEJARAHAN KEDAH DAN ASIA TENGGARA

2.1 Landasan teoritis

Kajian arkeologi di Lembah Bujang yang dijalankan selama lebih 162 tahun oleh para sarjana telah membawa kepada wujudnya pelbagai pandangan mengenai pelabuhan Kedah Tua. Pandangan-pandangan mereka melibatkan perbincangan mengenai penemuan arkeologi dan hubungannya dengan perkembangan sosioekonomi Kedah Tua serta kebudayaan masyarakat awalnya. Kajian-kajian yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu telah menyumbang dalam memberi gambaran mengenai sejarah Kedah Tua serta keberadaannya dalam kerangka sejarah Asia Tenggara pada zaman Klasik secara keseluruhan. Perbincangan dalam tesis ini perlu mempertimbangkan kajian terdahulu yang telah cuba untuk menggarap isu-isu yang hampir sama. Wujud banyak kelemahan dalam interpretasi kajian terdahulu mengenai Kedah Tua. Oleh yang demikian, pandangan sarjana terdahulu mengenai isu ini perlu dianalisis semula secara sistematik untuk mendapat gambaran sebenar mengenai latar belakang teoritis Kedah Tua.

Bab ini memberi fokus terhadap landasan teoritis mengenai Kedah Tua. Landasan teoritis tersebut merangkumi perbincangan dari segi pensejarahan mengenai sejarah kajian Lembah Bujang, intipati kajian para pengkaji terdahulu serta isu-isu utama yang menjadi tumpuan kepada kajian mereka. Di samping itu, peranan Kedah Tua dalam konteks persekitaran politik dan sosioekonomi Asia Tenggara pada zaman klasik turut dibincangkan. Sejarah kajian di Lembah Bujang yang dibincangkan melibatkan gambaran dari segi kronologi, lokasi kajian, artifak yang ditemui dan

intepretasi awal kajian tersebut. Bagi sarjana yang telah menjalankan kajian yang menyeluruh, isu-isu dalam perbahasan mereka diteliti dan dianalisis mengikut aspek-aspek tertentu dalam gambaran mereka mengenai pelabuhan Kedah Tua. Contohnya, aspek dinamika kebudayaan, sosiobudaya, politik dan periodisasi. Aspek-aspek penelitian tersebut merupakan elemen utama dalam usaha untuk mendapat gambaran yang jelas mengenai masa lalu pelabuhan Kedah Tua. Huraian terhadap aspek-aspek tersebut membolehkan perbincangan mengenai Kedah Tua dibuat bertolak dari asas bahawa masyarakat Kedah Tua merupakan satu masyarakat yang dinamik dan sentiasa berkembang.

Perbahasan mengenai persekitaran politik dan sosioekonomi Asia Tenggara membolehkan sejarah Kedah Tua dilihat dari perspektif yang lebih luas. Hal ini kerana peranan Kedah Tua sebagai sebuah pelabuhan tidak boleh dipisahkan dengan persekitaran sosioekonomi dan politik dunia luar yang menentukan arah perkembangannya. Fokus terhadap latar belakang teoritis kajian mengenai Kedah Tua dalam bab ini dijadikan satu garis panduan supaya data-data yang dikompilasi dapat ditafsir dalam konteks kajian yang relevan dengan tajuk dan objektif kajian tesis ini.

2.2 Kajian Terdahulu

Penyelidikan Arkeologi di Lembah Bujang telah bermula sejak tahun 1849 dan berterusan hingga kini. Wujud ramai pengkaji yang meneliti tapak-tapak di Lembah Bujang dengan matlamat, skop dan permasalahan kajian yang berbeza-beza. Lembah Bujang meliputi kawasan seluas 369 kilometer persegi dengan jumlah tapak arkeologi sebanyak 87 tapak tidak termasuk jumlah tapak Kompleks Sungai Batu yang baru ditemui. Kebanyakan pengkaji cuma meneliti sebahagian kecil daripada

keseluruhan jumlah tapak-tapak arkeologi Lembah Bujang dan seterusnya menghasilkan kesimpulan yang memberi fokus kepada aspek-aspek tertentu sahaja. Contohnya adalah seperti dari segi aspek senibina, ikonografi ataupun fungsi seramik. Jumlah para sarjana yang menjalankan penelitian yang merangkumi seluruh kawasan Lembah Bujang dengan intepretasi yang bersifat holistik adalah amat terhad. Pengkaji-pengkaji seperti Low, Evans, Sullivan, Peacock dan Leong Sau cuma membincangkan isu Kedah Tua dari aspek penemuan sahaja tanpa sebarang tafsiran mengenai hubungan artifak-artifak tersebut dengan masyarakat Kedah Tua.

Kajian arkeologi di Lembah Bujang mempunyai sejarah yang amat panjang. Ia telah diterajui oleh golongan *antiquarian* yang terdiri dari pentadbir-pentadbir kolonial. Selepas tahun 1950-an, kajian yang lebih menyeluruh dan intensif telah mula dijalankan terhadap tapak-tapak arkeologi hasil daripada penemuan para pengkaji perintis tersebut. Para pengkaji dari Jabatan Muzium dan Universiti Malaya telah mula melibatkan diri dalam kajian tersebut dan menjadi kumpulan pengkaji tempatan pertama yang mempelopori penelitian di Lembah Bujang. Walau bagaimanapun, tumpuan cuma diberikan kepada penelitian semula terhadap tapak-tapak yang telah ditemui sebelumnya. Bermula tahun 1960-an, penelitian di Lembah Bujang telah mula dilakukan secara sistematik, dengan permasalahan dan skop kajian yang lebih jelas. Hal ini membawa kepada pengetahuan yang lebih mendalam mengenai masa lalu Kedah Tua.

Selepas awal tahun 1980-an, kajian arkeologi di Lembah Bujang telah berkembang dengan pesat apabila penelitian tidak lagi bertumpu pada kawasan lembah Sungai Bujang. Pada tahun 1980-an, perhatian telah mula diberikan pada

penemuan arkeologi kawasan lembah Sungai Muda. Tahun 1980-an hingga tahun 2006 merupakan satu jangkamasa apabila penyelidikan arkeologi di Lembah Bujang dilakukan secara *ad hoc* terhadap penemuan-penemuan di sekitar Sungai Bujang dan lembah Sungai Muda. Dengan penemuan Kompleks Percandian Sungai Batu pada tahun 2006, kajian arkeologi Lembah Bujang telah memasuki satu fasa yang baru apabila telah mula digunapakai kaedah-kaedah saintifik dalam penentuan pentarikan tapak serta menganalisis artifak-artifak yang ditemui. Penelitian arkeologi dari 1849 hingga 2006 telah melahirkan ramai sarjana dari pelbagai aliran pemikiran yang memberi pelbagai bentuk pandangan mengenai Kedah Tua yang kadang kala tidak selari antara satu sama lain.

2.2.1 Perintis kajian di Lembah Bujang

Penyelidikan arkeologi di Lembah Bujang telah diterajui oleh tiga orang pengkaji. Mereka merupakan James Low, F. W. Irby, dan I. H. N. Evans. Pengkaji-pengkaji tersebut bukanlah terdiri daripada sarjana mahupun ahli arkeologi yang bertauliah. Mereka merupakan golongan pentadbir kolonial yang menjalankan kajian yang bersifat kajian *antiquarian*. Hal ini kerana kebanyakan kajian mereka tertumpu kepada usaha pencarian artifak-artifak yang memiliki nilai estetika tertentu sahaja dan kurang perhatian diberikan terhadap hubungan antara artifak tersebut dengan sejarah Kedah Tua. Perkara ini dapat dilihat di dalam penerbitan-penerbitan para pengkaji tersebut yang cuma memberi huraian yang bersifat deskriptif terhadap artifak yang ditemui dan memberi fokus terhadap nilai kesenian artifak itu sahaja. Tahap awal penelitian arkeologi Lembah Bujang bermula dari tahun 1849 hingga 1935.

Kajian arkeologi di Lembah Bujang telah dijalankan buat pertama kalinya oleh Kolonel James Low pada 1848-9. Beliau merupakan pentadbir British di Negeri-negeri Selat yang telah menjalankan kerja-kerja peninjauan di kawasan Lembah Bujang. Hasil daripada kajian tersebut, beliau telah menerbitkan beberapa buah makalah mengenai penemuan-penemuan yang wujud.⁵ Antara artifak-artifak yang ditemui oleh Low termasuklah Prasasti Cherok Tokkun, Prasasti Buddhagupta, dan Prasasti Bukit Meriam. Seterusnya pada tahun 1905, F. W. Irby telah menjalankan kajian di Gunung Jerai.⁶ Beliau telah menemui struktur candi di atas puncak Gunung Jerai yang terdiri daripada beberapa tempat pembakaran. Seterusnya, I.H.N. Evans⁷ pada 1920-an dan 1930-an telah menjalankan kajian peninjauan di sekitar kawasan Sungai Bujang. Kajian beliau telah membawa kepada penemuan beberapa tapak candi seperti tapak 4, tapak Gunung Jerai, tapak 13 dan arca-arca Hindu.

Ciri utama kajian pada tahap ini adalah kajian dijalankan secara rambang dengan tujuan untuk mendapatkan artifak yang pada ketika itu masih dianggap sebagai barangan antik. Kajian yang dijalankan oleh para sarjana tersebut tidak mempunyai matlamat atau permasalahan yang nyata. Pada ketika itu, mereka masih belum memiliki pengetahuan mengenai kronologi sejarah Kedah Tua, kaedah penyelidikan yang sesuai mahupun permasalahan yang harus dijawab. Walau

⁵ Jurnal Arkeologi Malaysiaes Low, "Extract of a Letter from Col. J. Low" dalam *Journal of Asiatic Society of Bengal*, XVII, 1, 1848, hlm. 232-234, Jurnal Arkeologi Malaysiaes Low, "An Account of Several Inscriptions Found in Province Wellesley on the Peningsula of Malacca" dalam *Journal of Asiatic Society of Bengal*, XVII, 2, 1848, hlm. 62-66, Jurnal Arkeologi Malaysiaes Low, "On an Inscription from Keddah", *Journal of Asiatic Society of Bengal*, XVIII, 1, 1849, hlm. 247, dan Jurnal Arkeologi Malaysiaes Low "A Translation of the Keddah Annals" dalam *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia* (Singapore), III, 1849, hlm. 1-23, 162-181, 253-270, 314-336, dan 467-488.

⁶ F. W. Irby, "The Ruins on Gunong Jerai, Kedah", *Journal of the Federated Malay States Museum*, 1, 3, 1905, hlm. 79-81.

⁷ I.H.N. Evans, "On The Ancient Structures on Kedah Peak" dalam *Journal of the Federated Malay States Museums*, IX, 4, 1922, hlm. 21-5, I.H.N. Evans, "Results of an Expedition to Kedah", *Journal of the Federated Malay States Museums*, XII, 3, 1926, hlm. 73-82, dan I.H.N. Evans, "Ancient Inscription at Cherok Tokun, Province Wellesley" dalam, *Journal of the Federated Malay States Museums*, XV, 1, 1930, 25-7.